

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Ilmu usul fiqh merupakan sebahagian daripada ilmu syarak yang terbesar. Ia meletakkan garis panduan yang tepat bagi seorang mujtahid untuk mengistinbatkan sesuatu hukum, memelihara mujtahid daripada tergelincir dan menyimpang daripada kehendak syarak yang sebenar semasa berijtihad dan membuka kepada penyelesaian-penyelesaian hukum bagi setiap permasalahan dalam syariat Islam.

Perbincangan dasar berkenaan ilmu usul fiqh ialah berkisar berkenaan dalil-dalil hukum syarak secara umum. Para ulama' membahagikan dalil-dalil ini kepada dua bahagian. Pertama, dalil yang disepakati keujahannya oleh kebanyakan ulama' iaitu al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Kedua, dalil yang menjadi perselisihan sebahagian besar ulama' berkenaan keujahannya. Dalil-dalil tersebut seperti *Istishāb*, *Istihsān*, 'Urf, *Maṣāliḥ Mursalah*, *Qawl Ṣaḥābī* dan *Syar' Man Qablanā*. Oleh itu, *Istihsān* termasuk salah satu dalil yang menjadi perselisihan sebahagian besar ulama' sama ada ia boleh digunakan sebagai salah satu sumber bagi pengeluaran hukum syarak ataupun tidak.

Istilah *Istihsān* amat tidak asing lagi di kalangan pengkaji-pengkaji Ilmu Usul Fiqh. Walaubagaimanapun, sekiranya kita meneliti kepada perbincangan para ulama' fiqh dan usul fiqh berkenaan *Istihsān*, kita akan dapati para ulama' terdahulu tidak pernah

berselisih pendapat berkenaan satu perkara sepertimana mereka berselisih pendapat tentang *Istiḥsān*. Mereka berselisih pendapat tentang takrif yang paling sesuai digunakan untuk perkataan *Istiḥsān*, mereka juga berselisih pendapat tentang hukum penggunaan *Istiḥsān* sebagai salah satu sumber bagi hukum syarak.

Para ulama' memberi berbagai takrif tentang *Istiḥsān*, terdapat sebahagian takrif yang diberikan masih lagi memberi gambaran yang samar-samar, sebahagiannya pula tidak merangkumi semua aspek yang terdapat dalam *Istiḥsān* dan terdapat juga takrif-takrif yang dapat memberi penjelasan yang agak lengkap tentang *Istiḥsān*. Oleh itu kita perlu meneliti secara terperinci segala takrif yang dikemukakan oleh para ulama' untuk memahami dengan jelas tentang konsep *Istiḥsān* ini.

Para ulama' juga berselisih pendapat tentang kehujahan *Istiḥsān*, adakah ia diterimapakai dalam proses pengeluaran hukum syarak atau sebaliknya. Cuma menjadi satu perkara yang agak ironis di mana pihak yang menolak penggunaan *Istiḥsān* mengatakan, penggunaan *Istiḥsān* bermaksud kita bermudah-mudah dengan agama dan hanya menggunakan hawa nafsu ketika mengeluarkan hukum.<sup>1</sup> Bagi pihak yang menerimanya pula mengatakan, *Istiḥsān* merupakan sembilan persepuluh daripada ilmu dan penggunaannya dalam fiqh lebih banyak daripada penggunaan Qiyas.<sup>2</sup>

Perbezaan pendapat yang sangat jauh ini menyebabkan para ulama' *mutaakhirīm* membuat kesimpulan bahawa kedua-dua pihak yang berselisih pendapat ini tidak berselisih dalam satu perkara yang sama, atau dalam lain perkataan ia bermaksud

---

<sup>1</sup> Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad bin Sa'īd (t.t) *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, j. 6. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, h. 19, 20.

<sup>2</sup> Al-Syātibī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā (1997), *al-Muwāfaqāt*, j. 5. Khubar: Dār Ibn 'Affān, h. 198.

mereka berselisih pendapat pada *maḥal khilāf* yang berbeza. Kesimpulan ini dilihat turut disokong oleh persepakatan para ulama' tentang dua perkara. Pertama, tidak harus bagi mana-mana individu untuk membicarakan hal-hal berkaitan hukum agama dengan semata-mata menggunakan akal fikiran dan hawa nafsu tanpa bersandarkan dalil-dalil syarak yang khusus atau berdasarkan dalil-dalil syarak yang umum. Kedua, menjadi kewajipan ke atas setiap mujtahid untuk beramal dengan hukum yang terhasil daripada ijtihad dan penelitiannya sekalipun hanya bersandarkan kepada dalil yang bersifat *ẓanni*.

Justeru itu, berdasarkan dua persepakatan ini, ia dapat memberikan satu gambaran awal bahawa tidak harus berlaku perselisihan pendapat di kalangan para ulama' tentang *Istiḥsān* sepertimana yang telah disebutkan di atas. Sebaliknya konsep atau dalil *Istiḥsān* ini hanya boleh mempunyai dua kemungkinan, sama ada dikategorikan sebagai dalil yang disepakati oleh sekalian ulama' ataupun ia merupakan satu dalil yang tidak dibenarkan penggunaannya oleh sekalian ulama'.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Melihat kepada berbagai takrif yang diberikan oleh para ulama' tentang *Istiḥsān*, ia memerlukan kajian yang teliti tentang takrif-takrif yang diberikan oleh para ulama' khususnya daripada dua mazhab yang agak bertentangan pendapat dalam menerima konsep *Istiḥsān* iaitu pengikut mazhab Syāfi'ī dan Hanafi. Penelitian yang menyeluruh terhadap takrif-takrif ini dapat menjelaskan kepada kita sebab berlakunya perselisihan pendapat dalam aspek kehujahannya pula. *Istiḥsān* juga termasuk dalam kategori dalil-dalil yang menjadi perselisihan para ulama' sama ada

ia diterima pakai dalam proses pengeluaran hukum atau tidak. Perbincangan tentang perselisihan ulama' ini wajar diberi perhatian terutamanya dari sudut dalil yang dikemukakan oleh setiap pihak sebelum satu kesimpulan dapat diberikan berhubung pendapat mana yang patut digunakan dalam perbincangan-perbincangan seterusnya. *Istihsān* yang digunakan oleh pihak yang menerimanya sebagai salah satu metod pengeluaran hukum pula mempunyai berbagai bentuk. Pemahaman tentang setiap satu bentuk yang digunakan amat penting terutama ketika proses memahami setiap masalah-masalah fiqh yang menggunakan konsep *Istihsān* dan juga ketika mengaplikasikan konsep ini dalam permasalahan-permasalahan terbaru di zaman ini.

Dalam membahaskan tentang *Istihsān*, ia merupakan satu konsep yang agak kontra dengan prinsip-prinsip yang digunakan oleh pengikut mazhab Syāfi'ī. Umum mengetahui bahawa mazhab teras bagi negara kita ialah mazhab Syāfi'ī.<sup>3</sup> Oleh itu, agak sukar untuk kita menerima bahawa negara yang menggunakan mazhab Syāfi'ī sebagai mazhab utama boleh menggunakan *Istihsān* sebagai salah satu kaedah pengeluaran hukum sedangkan al-Syāfi'ī (819M) sendiri menentang dengan sekeras-kerasnya penggunaan *Istihsān* tersebut. Tetapi berpegang kepada pendapat yang mengatakan bahawa perselisihan dalam masalah fiqh dan usul fiqh hanya bersifat sangkaan (*ẓanni*), dan perselisihan yang berlaku pada peringkat awal disebabkan perbezaan dari sudut pemahaman tentang maksud *Istihsān* itu sendiri, tidak menjadi satu perkara yang mustahil pengikut-pengikut mazhab Syāfi'ī juga menggunakan konsep *Istihsān* dalam proses pengeluaran hukum. Ini berikutan daripada perkembangan semasa ketika ini yang menuntut penyelesaian hukum yang banyak

---

<sup>3</sup> Ini dapat dilihat secara jelas dalam undang-undang Syariah di Negara ini sebagai contoh Seksyen 39, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan), 1993, (Akta 505, 1993), Seksyen 3, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan), 1997, (Akta 561, 1997) dan Seksyen 2 dan 54, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003, (En. 1/03).

daripada sumber hukum yang pelbagai agar setiap permasalahan yang berlaku mempunyai penjelasan hukum yang sebaik-baiknya daripada para ulama'.

Bagi melihat realiti pengamalan *Istihsān* di negara ini, kita boleh melihat penyelesaian hukum yang dikeluarkan oleh badan-badan yang berautoriti di negara ini seperti fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh jabatan-jabatan Mufti. Kita juga boleh melihat sumber-sumber hukum yang digunakan oleh hakim-hakim mahkamah syariah di dalam menyelesaikan kes-kes yang berlaku di sana. Penelitian terhadap penyelesaian-penyelesaian hukum daripada dua badan yang berautoriti ini dapat membuktikan bahawa *Istihsān* benar-benar diaplikasikan sama ada di dalam penyelesaian fatwa bagi masalah-masalah kontemporari dan juga di dalam penghakiman bagi menyelesaikan kes-kes yang berlaku di mahkamah syariah di negara ini.

Perlu ditegaskan di sini, bahawa al-Quran dan Sunnah sememangnya telah sempurna untuk menjadi sumber utama bagi setiap permasalahan yang timbul. Cuma ia menuntut seorang mujtahid yang *mutamakkin* dan berkebolehan dalam menghuraikan setiap perkara yang terdapat di dalam al-Quran dan Sunnah, sama ada perkara tersebut hanya dikemukakan secara umum di dalam al-Quran dan Sunnah ataupun terdapat istilah-istilah atau makna-makna di dalam keduanya yang sangat rumit dan sukar untuk difahami oleh masyarakat awam. Oleh itu, para mujtahid perlu menghabiskan tenaga mereka dengan menggunakan segala kaedah-kaedah yang telahpun disusun oleh ulama'-ulama' terdahulu dalam proses pengeluaran hukum termasuklah dengan menggunakan konsep *Istihsān* ini.

### 1.3 OBJEKTIF

Dalam melaksanakan kajian ini penyelidik telah menetapkan beberapa objektif bagi memastikan matlamat kajian tercapai sepenuhnya. Objektif-objektif tersebut adalah:-

- (1) Meneliti perbincangan para ulama' terdahulu dan moden berkenaan konsep *Istihsān* bagi mengeluarkan satu takrif yang *jāmi'* dan *māni'* bagi *Istihsān*. Seterusnya, kajian ini turut melihat dari aspek kehujahan *Istihsān* di sisi para ulama' beserta contoh-contoh penggunaannya berdasarkan pembahagian yang terdapat dalam konsep *Istihsān*.
- (2) Menganalisis kes-kes Mahkamah Syariah yang dilaporkan di dalam Jurnal Hukum dengan menumpukan kepada empat buah negeri di Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang bagi mengenalpasti kes-kes yang diselesaikan dengan menggunakan konsep *Istihsān*.
- (3) Menganalisis fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Pejabat atau Jabatan Mufti di Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang untuk mengenalpasti penggunaan konsep *Istihsān* di dalam penyelesaian fatwa.

Berdasarkan objektif-objektif yang dirangka ini, diharapkan kajian akan lebih terarah kepada segala objektif yang dirancang dan tidak terkeluar daripada tumpuan tajuk kajian. Seterusnya, dapat memberikan kepada kita gambaran yang jelas tentang

konsep *Istihsān* dan aplikasi *Istihsān* dalam penyelesaian-penyelesaian hukum ulama' terdahulu dan ulama' kontemporari di zaman ini.

#### 1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Pemilihan untuk melakukan kajian ini yang tajuknya berhubungkait dengan bidang usul fiqh adalah berdasarkan kepada kepentingan-kepentingan berikut:-

- (1) Kedudukan *Istihsān* sebagai salah satu sumber hukum syarak sememangnya telah diakui oleh sebahagian besar ulama' yang mengkaji tentang ilmu usul fiqh. Ini terbukti dengan terdapatnya sejumlah perbincangan tentang *Istihsān* dalam karya ulama'-ulama' terdahulu hingga kini. Bahkan, boleh dikatakan hampir setiap kitab yang membicarakan tentang ilmu usul fiqh tidak pernah meninggalkan perbincangan tentang *Istihsān*. Oleh itu, kajian tentang *Istihsān* dengan terperinci dalam bahasa ibunda kita wajar dikemukakan agar lebih ramai lagi dapat memahami tentang konsep *Istihsān* khususnya kepada pengkaji dan pencinta ilmu-ilmu Islam ini.
  
- (2) Kajian ini dianggap penting juga kerana ia dapat menghuraikan salah faham tentang konsep *Istihsān* terutamanya pendapat yang terlalu ekstrim menolak penggunaan *Istihsān* atau pendapat yang terlalu mengagung-agungkan penggunaan *Istihsān* sehingga menyalahkan seratus-peratus mereka yang menolak penggunaan *Istihsān*.

- (3) Penggunaan *Istihsān* dalam mengistinbat hukum syarak bagi masalah-masalah terkini sangat luas dan sangat diperlukan ketika ketiadaan nas-nas yang jelas tentang masalah-masalah tersebut. *Istihsān* dapat memberikan penyelesaian yang terbaik, menzahirkan kesesuaian syariah Islam dan memberikan hukum yang bertepatan dengan kehendak dan tujuan syariat tanpa mengikut kepada kehendak zahir nas ataupun qiyas semata-mata.
- (4) Kajian ini akan mencari bukti penggunaan *Istihsān* dalam penyelesaian kes-kes mahkamah syariah di beberapa buah negeri di Malaysia dan juga dalam penyelesaian-penyelesaian hukum dan fatwa di jabatan-jabatan mufti di negeri yang sama agar ia dapat memberi petunjuk yang jelas bahawa penggunaan *Istihsān* sebenarnya bukanlah satu perkara yang asing di kalangan ulama' Islam di negara ini.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Untuk menjalankan kajian ini, penyelidik menfokuskan kajian kepada *Istihsān* terlebih dahulu dari sudut pandangan para ulama' pelbagai mazhab bagi mendapatkan pandangan yang paling tepat berkenaan *Istihsān*. Kajian dari sudut takrif-takrif yang dikemukakan oleh para ulama' tentang *Istihsān*, perbezaan pendapat dari aspek kehujahan *Istihsān* dan cabang-cabang *Istihsān* telah diberikan perhatian dalam kajian ini. Kajian seperti ini memerlukan pemahaman yang jitu dalam memahami penulisan-penulisan para ulama' terdahulu sebagai sumber asal bagi semua perbahasan-perbahasan di atas.



Seterusnya, kajian ini hanya meneliti kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah bagi mengenalpasti penggunaan *Istihsān* dalam kes-kes tersebut. Huraian berkenaan kes-kes tersebut telah diberikan bagi menjelaskan dengan lebih terperinci penggunaan *Istihsān* dalam aspek perundangan Islam. Penyelidik tidak menafikan bahawa aspek perundangan Islam merupakan satu subjek yang amat luas. Walaubagaimanapun, kajian peringkat ini hanya menumpukan kepada penyelesaian kes di Mahkamah Syariah bagi mewakili salah satu aspek perundangan Islam tersebut.

Seterusnya kajian telah menumpukan kepada fatwa-fatwa kontemporari yang dikeluarkan oleh Pejabat atau Jabatan Mufti di Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang. Penyelidik telah menganalisis fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh agensi-agensi kerajaan tersebut berdasarkan bahan-bahan bertulis yang telah dikumpulkan. Selanjutnya, penyelidik telah menumpukan kepada fatwa-fatwa yang menggunakan konsep *Istihsān* dan menghuraikan beberapa pilihan fatwa dengan terperinci supaya dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang penggunaan *Istihsān* dalam fatwa tersebut.

Pengkhususan kepada empat buah negeri sahaja dalam kajian ini pula adalah berdasarkan beberapa faktor. Penyelidik memilih Wilayah Persekutuan dan Selangor bagi mewakili negeri yang mempunyai kepadatan penduduk yang ramai dan kebanyakan penduduknya tinggal di kawasan bandar. Penyelidik memilih Negeri Sembilan pula bagi mewakili negeri yang kebanyakan penduduknya tinggal di kawasan luar bandar. Manakala Pulau Pinang dipilih atas faktor negeri yang mempunyai kemajmukan yang tinggi di mana penduduk beragama Islam dan bukan

beragama Islam berada di dalam peratusan yang hampir sama. Selain itu, penyelidikan di peringkat sarjana menuntut penyelidik untuk membataskan kajian dalam beberapa tempat tertentu sahaja dan membuka ruang untuk kajian yang lebih terperinci di masa akan datang.

## 1.6 ULASAN KAJIAN LEPAS

Konsep *Istihsān* telah dibincangkan oleh beberapa orang pengkaji di dalam bidang usul fiqh ini. Kajian-kajian ini banyak membantu penyelidik dalam melihat gambaran awal tentang konsep *Istihsān* sebelum meneruskan kajian yang lebih mendalam terhadap konsep ini. Antaranya ialah penulisan Iskandar Usman dalam bukunya yang bertajuk “*Istihsān* dan pembaharuan hukum Islam”. Penulis telah membahaskan konsep *Istihsān* di dalam fiqh Maliki dan fiqh Hanafi kemudian membuat perbandingan antara kedua-dua makna *Istihsān* di sisi kedua-dua mazhab dengan pandangan al-Syāfi‘ī yang menolak kehujahan *Istihsān*. Penulis membuat kesimpulan bahawa perbezaan pendapat di antara pendapat yang menerima (Hanafi dan Maliki) dan pendapat yang menolak (Syāfi‘ī) hanyalah disebabkan kedua pihak tidak sepakat atas takrif yang sama tentang *Istihsān*. Sekiranya kedua-dua pihak bersepakat menggunakan takrif yang sama, perbezaan pendapat pasti tidak akan berlaku dan *Istihsān* akan menjadi salah satu sumber yang disepakati oleh semua ulama’.<sup>4</sup> Penulis turut mengaitkan penulisannya dengan ijtihad sebagai metod untuk pembaharuan hukum Islam. Salah satu konsep ijtihad yang penting ialah *Istihsān* kerana ia bermaksud mujtahid berpaling daripada menggunakan kaedah umum atau qiyas kepada dalil yang lain bagi mencapai tujuan syariat dan maslahat umum.

---

<sup>4</sup> Dr. Iskandar Usman, (1994), *Istihsan dan Pembaharuan Hukum Islam*. Jakarta: Rajawali Press, Citra Niaga Perguruan Tinggi, hh. 19-67, 89-102.

Dengan itu, pada pandangan penulis, *Istiḥsān* sangat relevan dengan pembaharuan hukum Islam terutamanya dalam menjawab segala permasalahan dan perkembangan baru yang ditimbulkan oleh kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi moden.<sup>5</sup>

Seterusnya, dalam penulisan Ph.D Bunyana Solihin yang bertajuk “Imam Syāfi‘ī dan peranannya dalam sejarah perkembangan hukum Islam”, penulis juga telah menghuraikan *Istiḥsān* dari sudut pandangan ulama’ Hanafiyyah dan Malikiyyah.<sup>6</sup> Kajian ini turut memberi tumpuan khusus berkenaan sikap al-Syāfi‘ī terhadap *Istiḥsān*, penolakan al-Syāfi‘ī terhadap konsep *Istiḥsān*, dasar-dasar yang digunakan oleh al-Syāfi‘ī terhadap penolakannya dan konsistennya al-Syāfi‘ī dalam penolakan terhadap konsep *Istiḥsān*. Penulis membawakan contoh-contoh yang diperkatakan oleh sebahagian ulama’ bahawa al-Syāfi‘ī pernah menggunakan *Istiḥsān* ketika mengeluarkan sebahagian hukum, lalu penulis menjawab setiap tanggapan-tanggapan tersebut dan bertegas bahawa al-Syāfi‘ī tidak pernah menggunakan *Istiḥsān* dalam mana-mana proses pengeluaran hukum.<sup>7</sup> Penulis menyebut “*Penolakan dan pembatalan al-Syāfi‘ī r.a terhadap Istiḥsān pada hakekatnya adalah penolakan dan pembatalan yang total terhadap Istiḥsān sebagai dalil hukum*”.<sup>8</sup>

Kedua-dua penulisan daripada Indonesia ini agak bertentangan ketika membahaskan sikap al-Syāfi‘ī terhadap konsep *Istiḥsān*. Bunyana Solihin berpendapat, al-Syāfi‘ī sentiasa konsisten dengan pendapat yang dikemukakan tentang *Istiḥsān*. Penulis sedaya upaya mempertahankan bahawa al-Syāfi‘ī tidak pernah menggunakan *Istiḥsān* sebagai sumber dalam mengeluarkan hukum syarak. Al-Syāfi‘ī bukan sahaja

---

<sup>5</sup> *Ibid.*, hh. 200, 201.

<sup>6</sup> Bunyana Sholihin, (2002), “Sikap Imam asy-Syafii terhadap *Istiḥsān*” (Tesis PhD, Fakultas Pasca Sarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta), hh. 60-128.

<sup>7</sup> *Ibid.*, hh. 190-216.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 236.

menolak konsep *Istiḥsān* dari sudut bahasa arab seperti yang diperkatakan oleh kebanyakan pendapat, tetapi al-Syāfi‘ī turut menolak *Istiḥsān* dari sudut istilah yang banyak digunakan khususnya di dalam mazhab Hanafi. Berbeza dengan Iskandar Usman, beliau lebih cenderung dengan pendapat yang mengatakan bahawa penolakan al-Syāfi‘ī terhadap konsep *Istiḥsān* khususnya di dalam kitab al-Umm adalah disebabkan *Istiḥsān* tidak lagi ditakrifkan secara tepat oleh ulama’ Hanafiyyah pada ketika itu. Setelah para ulama’ Hanafiyyah mengemukakan takrif yang lebih tepat tentang konsep *Istiḥsān*, seharusnya tidak berlaku lagi pertentangan pendapat mengenai penggunaan *Istiḥsān* kerana konsep *Istiḥsān* juga sebenarnya digunakan secara meluas di dalam mazhab Syāfi‘ī sendiri.

Analisis Iskandar ini turut dipersetujui oleh Mif. Rohim di dalam kajian peringkat Ph.Dnya bertajuk “Kajian Konflik Pemikiran Imam Abu Hanifah dan Imam Syāfi‘ī tentang metode *Istiḥsān*”. Beliau mengatakan *Istiḥsān* sememangnya tidak berlaku perselisihan dari sudut bahasa kerana kedua-dua pihak yang bertentangan pernah menggunakan lafaz *Istiḥsān* ketika menerangkan hukum-hukum syarak.<sup>9</sup> Beliau juga menjelaskan bahawa perselisihan pendapat di antara kedua-dua tokoh ini juga berpunca daripada penafsiran terhadap perkataan “*Aḥsanah*” dan “*Aḥsan*” dalam surah al-Zumar ayat 18 dan 55. Pendokong konsep *Istiḥsān* yang diketuai oleh Abū Ḥanīfah (767M) dan pengikut-pengikutnya berhujah dengan menggunakan perkataan ini. Mereka mengatakan bahawa penggunaan Qiyas dianggap sebagai “ḥasan” sahaja, manakala penggunaan *Istiḥsān* pula dianggap sebagai “*Aḥsanah*” atau lebih baik. Ini ditentang oleh al-Syāfi‘ī dan pengikut-pengikutnya dengan mengatakan hukum yang

---

<sup>9</sup> Mif. Rohim Noyo Sarkun (2007), “Kajian Konflik Pemikiran Imam Abu Hanifah dan Imam Syāfi‘ī tentang Metode *Istiḥsān*” (Tesis Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hh. 309-310.

lebih baik ialah hukum yang dikeluarkan berdasarkan al-Quran, Sunnah, Ijmā‘ atau diqiyaskan kepada ketiga-tiga sumber tersebut.<sup>10</sup>

Dalam peringkat Ph.D juga, Saim Kayadibi telah menulis tentang *Istiḥsān* di dalam tesisnya yang bertajuk “Doctrines of *Istiḥsān*”. Penulis telah memulakan penulisannya berkenaan sumber-sumber hukum Islam secara umum<sup>11</sup> dan diikuti dengan perbincangan tentang Ijtihad dengan *Ra’y*.<sup>12</sup> Dalam bab seterusnya, beliau mula membincangkan secara terperinci tentang takrif dan bahagian-bahagian *Istiḥsān*. Penulis mengemukakan sejumlah pandangan ulama’ daripada pelbagai mazhab berkenaan takrif-takrif *Istiḥsān*<sup>13</sup> serta bahagian-bahagian yang terdapat di dalamnya beserta dengan huraian daripada penulis sendiri bagi setiap perbincangan yang dikemukakan.<sup>14</sup> Kajian seperti ini amat membantu penyelidik bagi memahami dengan lebih jelas konsep *Istiḥsān* dan perbincangan-perbincangan ulama’ yang terdapat di dalamnya.

Di dalam penulisan jurnal, Saim Kayadibi sekali lagi menulis di dalam artikelnya yang bertajuk “Ijtihad by *Ra’y*: The Main Source of Inspiration behind *Istiḥsān*”.<sup>15</sup> Di sini beliau menyatakan Ijtihad dengan *Ra’y* merupakan inspirasi kepada perkembangan dalil *Istiḥsān*. Beliau memberikan takrif *Istiḥsān*, *Ijtihad* dan *Ra’y* secara ringkas beserta hubungan setiap istilah tersebut antara satu dengan yang lain. Seterusnya, beliau mengemukakan contoh-contoh penggunaan *Ijtihad* dengan *Ra’y* pada zaman Nabi S.A.W. dan zaman Sahabat. Kemudian, beliau mengemukakan pula beberapa contoh masalah yang menggunakan *Istiḥsān* bagi menunjukkan

---

<sup>10</sup> *Ibid.*, hh. 122-123.

<sup>11</sup> Saim Kayadibi, (2006), *Doctrines of Istiḥsān in Islamic Law*, Konya: Dizgi Ofset, h.1.

<sup>12</sup> *Ibid.*, h. 43.

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 87.

<sup>14</sup> *Ibid.*, h. 187.

<sup>15</sup> Saim Kayadibi (2007), *Ijtihad by Ra’y: The Main Source of Inspiration behind Istiḥsān*, *The American Journal of Islamic Social Sciences*, Jil. 24, Bil. 1, hh. 73-95.

kesemua masalah-masalah *Istiḥsān* mempunyai hubungan yang amat rapat dengan penggunaan Ijtihad dengan *Ra'y* yang telah digunakan pada zaman Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabatnya lagi. Kenyataan ini dapat menguatkan lagi keabsahan penggunaan *Istiḥsān* dengan bersandarkan bahawa penggunaannya telah berlaku semenjak daripada permulaan perkembangan syariat Islam.

Bagi kajian yang berbentuk aplikasi konsep *Istiḥsān*, Ya'qūb bin 'Abd al-Wahhāb di dalam bukunya bertajuk "*al-Istiḥsān Haqīqatuhū-'Anwā'uhū-Ḥujjiyatuhū-Taḥqīqatuhū al-Mu'āṣirah*" telah menumpukan kepada perbincangan hukum permasalahan-permasalahan terkini yang dikeluarkan berdasarkan konsep *Istiḥsān* di samping membincangkan tentang konsep *Istiḥsān* terlebih dahulu pada permulaan penulisannya. Penulis ketika membincangkan pembahagian *Istiḥsān*, telah membahagikannya kepada dua bahagian terlebih dahulu. Bahagian pertama ialah *Istiḥsān* dengan Qiyas *Khafī*, manakala bahagian kedua ialah *Istiḥsān* dengan dalil-dalil yang lain selain daripada Qiyas *Khafī*. Tujuan penulis membahagikan kepada dua bahagian terlebih dahulu ialah permasalahan yang dihukumkan berdasarkan *Istiḥsān* dengan Qiyas *Khafī*, boleh diqiyaskan kepada permasalahan-permasalahan yang lain. Ini berbeza daripada hukum bagi permasalahan yang dikeluarkan berdasarkan *Istiḥsān* dengan al-Quran, Sunnah dan dalil-dalil lain kerana hukum permasalahan ini hanya khusus bagi permasalahan tersebut dan tidak boleh diqiyaskan kepada permasalahan yang lain. Bagi membincangkan permasalahan-permasalahan terkini pula, penulis telah mengutarakan sebanyak sepuluh permasalahan yang dikeluarkan berdasarkan konsep *Istiḥsān*. Penulis juga melihat kepada pandangan ulama'-ulama' kontemporari ketika membincangkan setiap

permasalahan tersebut, tidak ketinggalan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh negara-negara Islam dan *Majma' al-Fiqh al-'Islami*.<sup>16</sup>

Muhammad 'Alī Muhammad dalam penulisan peringkat sarjana bertajuk "*al-Istidlāl bi al-Istiḥṣān fi Masā'il al-'Ibādāt 'ind al-Ḥanafīyyah*" memfokuskan kajian aplikasi *Istiḥṣān* bagi permasalahan-permasalahan ibadah dalam fiqh Hanafi sahaja. Untuk maksud itu, penulis telah membahagikan permasalahan-permasalahan tersebut kepada dua fasal. Fasal pertama bagi membincangkan tentang hukum bersuci dan solat di mana terdapat 43 permasalahan telah dibincangkan oleh penulis dalam fasal ini yang telah menggunakan konsep *Istiḥṣān*. Bagi fasal kedua pula, penulis telah menggabungkan hukum-hukum yang berkaitan dengan bab zakat, puasa, iktikaf dan haji. Fasal ini pula mengandungi 18 permasalahan yang dikenalpasti oleh penulis menggunakan konsep *Istiḥṣān*. Pada penghujung penulisan ini, penyelidik mengatakan berdasarkan kajiannya terhadap permasalahan-permasalahan ibadat yang menggunakan konsep *Istiḥṣān*, golongan Hanafiyyah tidaklah bersendirian dalam mengeluarkan sesuatu ketetapan hukum. Bahkan mazhab-mazhab lain juga turut menggunakan hukum yang sama tetapi bersandarkan dalil-dalil yang lain daripada *Istiḥṣān*. Beliau juga menjelaskan bahawa terlalu sedikit permasalahan ibadat yang dikeluarkan berdasarkan konsep *Istiḥṣān* dengan Qiyas. Ini adalah disebabkan masalah-masalah ibadat adalah bersifat *tawfiqīyyah* dan kebanyakan masalah yang menggunakan konsep *Istiḥṣān* dengan Qiyas terdapat dalam bab-bab yang lain daripada ibadat.<sup>17</sup>

---

<sup>16</sup> Ya'qūb bin 'Abd al-Wahhāb (2007) *al-Istiḥṣān Haqīqatuhū-'Anwā'uhū-Ḥujjiyatuhū-Taḥqīqatuhū al-Mu'āṣirah*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd, hh. 80, 81, 203, 204, 205.

<sup>17</sup> Muhammad 'Alī Muhammad (2004), "*al-Istidlāl bi al-Istiḥṣān fi Masā'il al-'Ibādāt 'ind al-Ḥanafīyyah*" (Kajian Peringkat Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Kuliah Tarbiah, Universiti al-Malik Sa'ūd), h. 153.

Seterusnya, disebabkan kajian penyelidikan ini menggabungkan di antara perbincangan ilmu usul serta perundangan Islam dan fatwa di Malaysia, penyelidik ingin mengulas juga beberapa kajian yang mempunyai konsep yang agak sama dengan kajian ini sekalipun tidak menggunakan konsep *Istihsān* secara khusus. Antara yang dapat disebutkan di sini ialah kajian peringkat sarjana yang ditulis oleh Mohd. Noor bin Deris bertajuk “*al-Maṣāliḥ al-Mursalah* dalam perundangan Islam dan pelaksanaannya di Kelantan”<sup>18</sup>. Penulis telah mengkaji kedudukan *al-Maṣāliḥ al-Mursalah* sebagai salah satu sumber hukum di dalam perundangan Islam dan mengkaji sejauh mana *al-Maṣāliḥ al-Mursalah* telah digunakan di negeri Kelantan. Bagi tujuan itu, beliau telah mengemukakan sembilan fatwa negeri Kelantan yang dikeluarkan berdasarkan konsep *al-Maṣāliḥ al-Mursalah*. Penulis mengatakan bahawa fatwa yang dikeluarkan ini merupakan fatwa yang agak baru dan tidak terdapat nas yang jelas daripada al-Quran dan Sunnah yang menyuruh atau melarang fatwa tersebut. Fatwa-fatwa tersebut juga dikeluarkan bagi memenuhi kepentingan masyarakat Islam Kelantan khususnya dan masyarakat Melayu secara umum.<sup>19</sup> Penulis juga mengemukakan satu enakmen iaitu Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan yang menurut beliau turut dikeluarkan berdasarkan konsep *al-Maṣāliḥ al-Mursalah*. Beliau mengambil satu Rang Undang-Undang sebagai contoh bagi menerangkan penggunaan konsep *al-Maṣāliḥ al-Mursalah* ketika ia diperbahaskan di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Rang Undang-Undang tersebut ialah:

---

<sup>18</sup> Mohd. Noor bin Deris (1985), “*al-Maṣāliḥ al-Mursalah* dalam Perundangan Islam dan Pelaksanaannya di Kelantan” (Disertasi Sarjana, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).

<sup>19</sup> *Ibid.*, hh. 209-210.



*“Suatu Enakmen bagi menjelaskan, memperkemas dan mengkanunkan peruntukan-peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam dengan tujuan menjadi lebih berkesan peruntukan-peruntukan mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak dan lain-lain perkara berhubung dengan kehidupan keluarga Islam di negari ini”.*

Sebahagian perbahasan Rang Undang-Undang tersebut di Dewan Undangan Negeri Kelantan turut dikemukakan oleh penulis bagi memperlihatkan perdebatan para ahli dewan sebelum ia diluluskan dan dikuatkuasakan. Menurut penulis, undang-undang yang diluluskan dan dikuatkuasakan ini merupakan masalah yang kritikal dan tidak terdapat nas yang terang bagi membenarkan atau menghalang pelaksanaan undang-undang tersebut.<sup>20</sup>

Seterusnya Sheikh Ghazali Abdul Rahman telah menulis satu artikel bertajuk “Usul Fiqh Dalam Al-Qada”.<sup>21</sup> Penulis telah memberi maklumat ringkas berkenaan ilmu usul fiqh seperti takrif, sejarah perkembangan dan skop perbincangan ilmu ini. Penulis juga telah menghuraikan sumber-sumber hukum yang diperbahaskan di dalam ilmu usul fiqh seperti Al-Quran, Sunnah dan sumber-sumber yang lain termasuk *Istihsān*. Kemudian, penulis telah memberikan beberapa contoh aplikasi sumber-sumber tersebut di dalam penyelesaian masalah-masalah yang berlaku pada zaman Nabi S.A.W. dan para Sahabat. Penggunaan sumber-sumber ini dalam penyelesaian kes-kes di mahkamah syariah di Malaysia juga dikemukakan oleh penulis bagi menunjukkan kepentingan ilmu ini untuk difahami dan diperhalusi oleh semua pengamal undang-undang syariah di negara ini.

---

<sup>20</sup> *Ibid.*, hh. 229-235.

<sup>21</sup> Sheikh Ghazali Abdul Rahman (2004), “Usul Fiqh Dalam Al-Qada”, *Jurnal Hukum*, Jil 18, Bil. 2, Disember 2004, hh. 173-193.

Bagi aspek fatwa secara khusus pula, penyelidik ingin merujuk kepada penulisan Mohd Nazri bin Asiabu dalam disertasi peringkat sarjananya bertajuk “Penggunaan *Maṣlaḥah* dalam fatwa: kajian kes bagi fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan”. Kajian ini mengkaji secara agak terperinci tentang konsep *Maṣlaḥah* dari sudut pengertian dan pembahagian-pembagiannya.<sup>22</sup> Penulis juga menganalisis sejumlah fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan daripada tahun 1970-1990 yang menggunakan kaedah *Maṣlaḥah Mursalah* dalam keputusan-keputusan fatwa yang telah dikeluarkan. Penulis telah menemui sebanyak 41 fatwa daripada 123 fatwa yang telah dianalisis. Fatwa-fatwa tersebut merangkumi fatwa yang dikeluarkan daripada aspek sosial/hal ehwal semasa, perubatan, ibadat, perkahwinan, pakaian, kewangan dan zakat.<sup>23</sup> Sebelum itu, penulis juga menceritakan berkenaan latarbelakang Majlis Fatwa Kebangsaan dan pengertian istilah fatwa itu sendiri.<sup>24</sup>

Noor Naemah Abd. Rahman dan Mohd Nor Hashri B. Junoh pula telah menulis satu artikel bertajuk “Pendekatan Ijtihad *Tarjīḥī* Dalam Amalan Fatwa Jemaah Ulama’ Negeri Kelantan: Rujukan Kepada Fatwa-fatwa 1990-an”.<sup>25</sup> Artikel ini telah menumpukan konsep ijtihad *Tarjīḥī* dalam amalan fatwa Jemaah Ulama’ Negeri Kelantan. Penulis menumpukan terlebih dahulu berkenaan konsep ijtihad *Tarjīḥī* dari segi pengenalan tentang konsep ini dan neraca yang digunakan di dalam amalan *pentarjīḥan* sesuatu hukum. Penulis juga membawakan perbezaan di antara konsep ijtihad *Tarjīḥī* dan konsep *Talfīq* di mana konsep ijtihad *Tarjīḥī* hanya dikhususkan bagi golongan sarjana Islam. Ini berbeza dengan konsep *Talfīq* yang kebiasaannya

---

<sup>22</sup> Mohd Nazri Asiabu (2004), “Penggunaan *Maṣlaḥah* dalam Fatwa: Kajian Kes bagi Fatwa-Fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia” (Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hh. 15-45.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hh. 103,104.

<sup>24</sup> *Ibid.*, hh. 46-98.

<sup>25</sup> Noor Naemah Abd. Rahman dan Mohd Nor Hashri Junoh (2003), “Pendekatan Ijtihad *Tarjīḥī* dalam Amalan Fatwa Jemaah Ulama’ Negeri Kelantan: Rujukan Kepada Fatwa-fatwa 1990-an”, *Jurnal Syariah*, Jil. 11, Bil. 2, hh. 27-50.

diamalkan oleh masyarakat awam. Setelah itu, penulis menumpukan kepada beberapa fatwa yang dikeluarkan oleh Jemaah Ulama' Negeri Kelantan yang diselesaikan dengan menggunakan konsep ijtihad *Tarjīhī*.

Noor Naemah Abd. Rahman juga telah menulis satu artikel bertajuk “Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa”.<sup>26</sup> Artikel ini menjelaskan dari aspek pentadbiran tentang penggunaan ijtihad dalam amalan fatwa di Malaysia. Penulis memulakan penulisannya dengan mengemukakan faktor-faktor pemangkin kepada pembaharuan institusi fatwa di Malaysia. Penulis juga menyatakan bidang kuasa yang diperuntukkan kepada para mufti dalam melakukan penyelidikan hukum dan mengeluarkan fatwa-fatwa kepada masyarakat. Seterusnya, penulis turut melihat dari sudut keterbukaan para mufti dalam soal pemilihan mazhab ketika mengeluarkan fatwa. Penulis menyebut, sekalipun pandangan mazhab Syāfi'ī menjadi doktrin yang mengikat amalan fatwa di negeri-negeri di Malaysia (selain Perlis), terdapat peruntukan yang nyata di dalam undang-undang syariah di semua negeri yang menyatakan ruang untuk tidak terikat dengan mazhab Syāfi'ī di dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Ahmad Hidayat Buang di dalam artikelnya yang bertajuk “Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia”<sup>27</sup> telah menyentuh beberapa isu lagi berkenaan fatwa seperti fatwa boleh dikuatkuasakan apabila diwartakan, pengukuhan mazhab Syāfi'ī daripada institusi fatwa dan pengkhususan institusi fatwa di Malaysia. Penulis juga menganalisis sejumlah fatwa dari aspek ibadat, sosial, ekonomi dan amalan harian kehidupan umat Islam. Penulis membuat kesimpulan daripada beberapa fatwa yang

---

<sup>26</sup> Noor Naemah Abd. Rahman (2002), “Ruang Ijtihad dalam Amalan Fatwa di Malaysia: Sorotan dari Sudut Pentadbiran Fatwa”, *Jurnal Syariah*, Jil. 10, Bil. 2, hh. 19-30.

<sup>27</sup> Ahmad Hidayat Buang (2002), “Analisis Fatwa-fatwa Semasa Syariah di Malaysia”, *Jurnal Syariah*, Jil. 10, Bil. 1, hh. 39-52.

telah dianalisis berkenaan sifat keterbukaan para mufti dalam memberikan fatwa terutama yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai di mana pandangan mazhab Syāfi‘ī telah tidak diikuti dan penggunaan pendapat mazhab lain menjadi pilihan bagi menyelesaikan persoalan-persoalan semasa umat Islam.

Kedua-dua penulisan yang baru disebutkan di atas memberi gambaran yang jelas kepada penyelidik bahawa fatwa-fatwa di Malaysia juga mempunyai ruang yang agak luas dalam menggunakan sumber-sumber yang lain daripada mazhab Syāfi‘ī. Penyelesaian-penyelesaian fatwa yang dikemukakan juga menunjukkan terdapat penggunaan *Istiḥsān* secara tidak langsung di dalam penyelesaian-penyelesaian fatwa tersebut. Ia memberi keyakinan kepada penyelidik untuk membuat kajian berkenaan sumber ini di dalam penyelesaian fatwa di Malaysia bagi memberi gambaran tentang keterbukaan sarjana-sarjana Islam ketika menyelesaikan segala permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam di negara ini.

Justeru, bertitik tolak daripada perbahasan yang dikemukakan di atas, penyelidik merasakan amat sesuai untuk terus membuat kajian tentang *Istiḥsān* bagi meneruskan lagi kesinambungan kajian-kajian yang telah dilakukan sebelumnya. Ia juga masih diperlukan kerana pertentangan pendapat dan salah faham tentang penggunaan konsep *Istiḥsān* masih berlaku khususnya di kalangan pengikut mazhab Syāfi‘ī. Aplikasi penggunaan *Istiḥsān* di dalam fatwa dan perundangan Islam di Malaysia juga dikemukakan bagi membuktikan realiti sebenar pengamalan *Istiḥsān* di kalangan sarjana-sarjana Islam di Malaysia.

## 1.7 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Penyelidik telah menggunakan kajian perpustakaan dalam menyiapkan kajian ini. Ini disebabkan semua bahan-bahan yang diperlukan boleh diambil secara terus, sama ada melalui kitab-kitab yang di dalam koleksi penyelidik, kitab-kitab yang terdapat di perpustakaan-perpustakaan ataupun melalui bahan-bahan bertulis yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan Jabatan-Jabatan Mufti Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

Dalam menyiapkan bab yang kedua, penyelidik telah meneliti sejumlah kitab yang dikarang di dalam bidang usul fiqh dan bidang-bidang yang lain daripada pelbagai mazhab kerana dalam bab ini penyelidik perlu menghalusi pendapat individu-individu yang memperbahaskan konsep *Istihsān* dari sudut takrif, kehujahan dan penggunaan *Istihsān* dalam permasalahan-permasalahan fiqh. Oleh itu, perbahasan dalam bab ini menuntut penyelidik untuk membuat kajian di perpustakaan-perpustakaan seperti Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Islam Antarabangsa, Perpustakaan Negara Malaysia dan beberapa perpustakaan yang lain bagi mendapat kesemua bahan-bahan tersebut.

Untuk bab ketiga, penyelidik telah mengumpulkan bahan-bahan bertulis daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia di dalam Jurnal Hukum bagi melihat kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah-mahkamah syariah di Wilayah Persekutuan,

Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Kaedah yang sama juga telah digunakan oleh penyelidik dalam bab yang keempat. Penyelidik telah mendapatkan sejumlah fatwa yang dikeluarkan oleh Pejabat atau Jabatan Mufti negeri-negeri di atas untuk mengenalpasti fatwa-fatwa yang telah menggunakan konsep *Istihṣān* dan menghuraikan dengan lebih lanjut berkenaan fatwa-fatwa tersebut. Penyelidik juga merujuk penulisan-penulisan di dalam buku-buku, kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, minit-minit mesyuarat fatwa dan penulisan-penulisan lain dalam proses menyiapkan bab yang ketiga dan keempat bagi kajian ini.

## **1.8 KAEDAH ANALISIS DATA**

Setelah segala data dan maklumat dikumpul, penyelidik seterusnya telah menggunakan beberapa kaedah analisis data bagi menghuraikan segala data dan maklumat tersebut. Kaedah-kaedah yang digunakan ialah Kaedah Deduktif dan Kaedah Induktif.

### **1.8.1 KAEDAH DEDUKTIF**

Pendekatan deduktif dikenali sebagai kaedah *istinbāṭ* atau di dalam ilmu mantiq diistilahkan sebagai *al-Istidlāl al-Qiyāsī*.<sup>28</sup> Ia bermaksud penyelidik menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada atau dibentuknya sendiri berasaskan pemikiran tertentu untuk melihat fenomena yang berlaku.<sup>28</sup> Ia juga boleh dimaksudkan dengan penyelidik menyusun beberapa keterangan (berkenaan penyelidikan yang dikaji), setelah penyelidik memastikan kesahihannya, keterangan-keterangan ini akan

---

<sup>28</sup> Idris Awang, (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Selangor: Percetakan Zafar Sdn. Bhd., h. 83.

menghasilkan satu natijah atau keterangan yang lain.<sup>29</sup> Kaedah deduktif ini digunakan di dalam bab yang kedua khususnya ketika penyelidik mengkaji berkenaan dengan takrif *Istiḥsān* dan keujahannya. Fakta-fakta atau keterangan-keterangan yang diberikan oleh para ulama' berkenaan *Istiḥsān* telah dianalisis dengan teliti bagi mencari kesimpulan yang tepat agar ia dapat dipraktikkan ketika penjelasan berkenaan aplikasi *Istiḥsān* di dalam perundangan Islam dan fatwa dalam bab-bab seterusnya.

### 1.8.2. KAEDAH INDUKTIF

Pendekatan induktif yang juga dikenali bermaksud *istiqrā'* bermaksud penyelidik mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelas atau menghuraikan fenomena yang dikaji.<sup>30</sup> Penyelidik perlu memeriksa segala maklumat (yang berkaitan dengan penyelidikan) ataupun sebahagian daripadanya untuk diletakkan di bawah satu perkara yang umum dan ia merangkumi sekalian maklumat tersebut.<sup>31</sup> Kaedah ini digunakan dalam bab ketiga untuk mengenalpasti kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah berdasarkan konsep *Istiḥsān*. Penghuraian dengan lebih lanjut juga diberikan tentang bagaimana *Istiḥsān* diaplikasikan dalam penyelesaian kes-kes tersebut. Kaedah induktif ini juga digunakan di dalam bab keempat ketika mengkaji fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Pejabat atau Jabatan Mufti negeri-negeri yang dikaji supaya dapat dipastikan fatwa-fatwa yang menggunakan konsep *Istiḥsān*. Penyelidik telah memastikan bahawa fatwa-fatwa tersebut mestilah dikeluarkan berdasarkan pengertian *Istiḥsān* yang paling tepat sepertimana perbincangan yang dikemukakan di dalam bab kedua.

---

<sup>29</sup> Yūsuf Maḥmūd (1994), *al-Mantiq al-Ṣūrī al-Taṣawwūrāt wa al-Taṣdīqāt*. Doha: Dar al-Hikmah, h. 141.

<sup>30</sup> Idris Awang, (2001), *op.cit.*, h.82.

<sup>31</sup> Yūsuf Maḥmūd (1994), *op.cit.*, h. 221.